

PAMERAN JOM MASUK 'UMS' 2010

Pameran ini diadakan pada 13 hingga 14 Mac 2010 dan dihadiri lebih daripada 1000 pengunjung dari pelbagai bidang terutamanya pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009 yang hadir bersama-sama dengan ibubapa masing-masing. Pameran ini telah diadakan di Suria Sabah, Kota Kinabalu dengan melibatkan setiap sekolah-sekolah dan institut di Universiti Malaysia Sabah. Seramai 3 orang wakil kakitangan dan 6 orang wakil pelajar telah mewakili SPU dalam pameran ini.

Dengan adanya pameran Jom masuk UMS ini, peluang untuk berinteraksi dan mempromosikan Sekolah Perubatan kepada penduduk Sabah dapat diwujudkan secara langsung dan juga tidak langsung. Selain itu, borang kemasukan Program Diploma Kejururawatan bagi sesi 2010/2011 juga turut diedarkan sepanjang pameran tersebut.

